

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

YB PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [HULU SELANGOR] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah proaktif Kementerian bagi membantu graduan untuk memasuki pasaran kerja ketika berhadapan situasi pandemik COVID-19 yang mencabar di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Bagi membantu graduan yang baru memasuki alam pekerjaan, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Pekerjaan Nasional dimana jawatankuasa tersebut akan memberi fokus kepada perkara berikut iaitu:

- (i) Pertama: **Rancangan jangka masa pendek** bagi **menangani kadar pengangguran** yang tinggi mengikut industri seperti pelancongan, hiburan dan lain-lain;
- (ii) Kedua: **Rancangan jangka masa panjang** dengan meningkatkan *value chain* sumber manusia melalui program **upskilling dan reskilling**; dan
- (iii) Ketiga: Mempromosi, membantu dan melindungi **hak serta kebajikan pekerja ekonomi gig.**

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kementerian Sumber Manusia menerusi Pembangunan Sumber Manusia Berhad akan **mewujudkan *single window* bagi penyelarasan program peningkatan kemahiran (*upskilling* dan *reskilling*)** merentasi lapan (8) Kementerian dan Agensi bagi meningkatkan kebolehpasaran pencari kerja terutama golongan belia.

3. Melalui program kemahiran dan peningkatan kemahiran ini yang diselaraskan oleh PSMB ini, agensi-agensi seperti Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan MARA telah merancang dan akan menjalankan program-program yang memfokuskan

SOALAN NO : 49

kepada lepasan graduan dan belia. Menerusi program ini juga, para peserta akan dilengkapi dengan pelbagai kemahiran tambahan bagi meningkatkan tahap kebolehkerjaan mereka dan seterusnya mengisi kekosongan pekerjaan yang ditawarkan oleh pihak majikan kelak.

4. Kerajaan memandang serius **kebijakan pekerja ekonomi gig** dan menerusi PERKESO telah menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja ekonomi gig menerusi Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789). Melalui Akta ini, pekerja ekonomi gig akan diberi perlindungan di bawah Skim Bencana Kerja jika mereka ditimpa kemalangan atau menghidap penyakit berkaitan pekerjaannya.

5. Melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara, Kerajaan telah mengumumkan Program Penjana Gig bagi memberi perlindungan keselamatan sosial dan menjaga kebijakan golongan Orang Bekerja Sendiri yang melibatkan aktiviti pekerjaan ekonomi gig.

6. Bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia yang kehilangan pekerjaan akibat COVID-19, beberapa inisiatif sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan. Antaranya adalah:

- a. Meningkatkan pelaburan nilai tinggi melalui *Foreign Direct Investment* (FDI) dan *Domestic Direct Investment* (DDI) bagi meningkatkan penghasilan pekerjaan yang bersifat *high value jobs* dan *knowledge worker (k-worker)* agar kadar upah yang lebih tinggi dapat dinikmati oleh golongan ini;
- b. Melaksanakan latihan-latihan kemahiran yang bersifat *internship* seperti Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) untuk meningkatkan jumlah peluang pekerjaan berkemahiran tinggi;
- c. Menyediakan insentif-insentif untuk syarikat bagi memperbanyakkan elemen-elemen berteknologi tinggi yang

SOALAN NO : 49

dijangka akan meningkatkan jumlah peluang pekerjaan berkemahiran tinggi; dan

- d. Mengadakan sesi libat urus bersama industri bagi membincangkan isu sekaligus mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.

7. Bagi menyokong usaha-usaha di atas, Kerajaan harus menyediakan pekerja-pekerja berkemahiran yang memenuhi keperluan industri. Sehubungan itu, beberapa langkah sedang diambil oleh Kementerian, antaranya:

- e. Program *upskilling* dan *reskilling* disediakan kepada golongan pekerja. Ini bertujuan untuk mempertingkatkan kemahiran mereka untuk menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan serta persekitaran global yang semakin kompetitif dan dinamik. Program *upskilling* dan *reskilling* dijalankan secara berterusan supaya kemahiran yang diperolehi sentiasa bersesuaian dengan keperluan industri semasa;
- f. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), telah membangunkan *National Occupational Skills Standard* (NOSS) bagi 21 sektor ekonomi yang mana telah menjadi rujukan dalam pembangunan program latihan di institusi-institusi latihan awam dan swasta mengikut tahap kemahiran yang diperlukan. NOSS yang dibangunkan dan dipantau secara bersama dengan *Industry Lead Body* (ILB) adalah mengikut keperluan industri dan teknologi terkini;
- g. Memperluaskan akses kepada warganegara untuk mendapat Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET). Sehingga kini, terdapat lima ratus enam puluh dua (562) buah Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang telah ditubuhkan di seluruh negara dengan pelbagai kursus kemahiran ditawarkan mengikut keperluan industri; dan

SOALAN NO : 49

- h. KSM dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah diberikan peranan sebagai Pengerusi bersama bagi menerajui Jawatankuasa Kerja Pembangunan Kemahiran dan Bakat (TWG-S) Industry4WRD. Jawatankuasa ini berperanan mengenal pasti keperluan pasaran buruh dan kemahiran yang diperlukan serta menyelaras dan melaksanakan usaha-usaha dalam memperkukuhkan kompetensi sumber manusia bagi menghadapi Industri 4.0. Usaha ini dapat dilakukan melalui program *upskilling* dan *reskilling* yang disediakan kepada golongan pelajar kemahiran dan pekerja bagi mempertingkatkan kemajuan sendiri dalam menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan (*future jobs*) serta persekitaran global yang semakin kompetitif dan dinamik.

Sekian, terima kasih